

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 July 2015

Najib agih zakat kepada 5,981 penerima

11m - 13/7/2015

PEKAN 12 Julai - Seramai 5,981 penerima terdiri daripada golongan asnaf, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal dalam kawasan Parlimen ini menerima zakat dan sumbangan yang disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Zakat yang keseluruhannya berjumlah hampir Rm1.6 juta itu turut disumbangkan oleh lapan agensi korporat iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, UDA Holdings Berhad, Affin Islamic Bank Berhad dan Roadcare (M) Sdn. Bhd.

Yang turut menyampaikan zakat adalah Lembaga Tabung Haji, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), SME Bank, Yayasan Basmi Kemiskinan dan ahli pemiagaan,

Datin Mariamah Mohamad.

Majlis penyampaian zakat itu diadakan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek yang mewakili Bank Rakyat dalam pembayaran zakat tersebut serta pemimpin setempat.

Selepas penyampaian zakat itu, Perdana Menteri kemudian menyampaikan zakat kepada 1,200 penerima ibu tunggal di Dewan Majlis Daerah Pekan di sini.

Pengerusi Persatuan Ibu Tunggal Pekan, Datuk Khatijah Ahmad berkata, penyampaian sumbangan zakat itu merupakan acara tahunan

yang cmakukan setiap kali ketibaan bulan Ramadan dan menjelang sambutan Hari Raya Aidilhtri.

KStanya, Najib tidak pernah lupa memberi zakat kepada rakyat yang merrierlukan terutama golongan ibu tunggal sejak beliau menjadi Ahli Parlimen Pekan.

"Sumbangan sedemikian sangat membantu ibu-ibu tunggal khususnya bagi meringankan sedikit beban perbelanjaan untuk sambutan Hari Raya Aidilhtri tidak lama lagi," katanya.

Bagi ibu tunggal mempunyai enam anak yang kematian suami sejak 13 tahun lalu, Azizah Isa, 62, dia cukup terharu setiap kali menerima sumbangan zakat daripada Perdana Menteri.

"Ini merupakan tahun keenam saya menerimanya yang disampaikan sendiri oleh Datuk Seri Najib. Alhamdulillah, saya berterima kasih atas keprihatinan beliau," katanya yang tinggal di Kampung Baru Seri Melati di sini.

Sementara itu, seorang lagi penerima, Kamariah Mat Salleh, 83, berkata, sumbangan tersebut bukan sahaja dapat meringankan beban perbelanjaan menyambut Hari Raya Aidilhtri tetapi dapat disimpan untuk kegunaan masa pada masa depan.

"Dengan sumbangan ini dapatlah juga saya menyimpan untuk membeli ubat-ubatan jika sakit kerana tidak semuanya akan dibelanjakan pada hari raya," katanya.